

# MANFAAT WAKAF MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH: SATU SOROTAN LITERATUR

## BENEFITS OF WAKAF ACCORDING TO MAQASID SHARIAH PERSPECTIVE: A LITERATURE REVIEW

Effah Afiqah Mohammad Asri<sup>1</sup>

Marina Abu Bakar<sup>2\*</sup>

Iswandi Harahap Burhanuddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Pascasiswazah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Malaysia, (E-mail: effahafiqah98@gmail.com)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Arau, Malaysia, (Email: marinaab@uitm.edu.my) (Corresponding author) \*

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Malaysia, (E-mail: iswandi@unishams.edu.my)

### Article history

Received date : 13-10-2024

Revised date : 14-10-2024

Accepted date : 24-1-2025

Published date : 26-3-2025

### To cite this document:

Mohammad Asri, E. A., Abu Bakar, M., & Burhanuddin, I. H. (2025). Manfaat wakaf menurut perspektif Maqasid Syariah: Satu sorotan literatur. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 10 (59), 69 - 81.

**Abstrak:** Instrumen wakaf dilihat semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat sebagai salah satu alat penjanaan ekonomi kepada masyarakat. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan bentuk wakaf dengan tujuan memudahkan dan menarik minat para pewakaf yang ingin melestarikan manfaat harta mereka. Perbadanan korporat juga tidak ketinggalan mengambil ruang dan peluang melalui instrumen ini dengan memperkenalkan produk-produk wakaf kepada masyarakat Malaysia amnya. Antara isu yang menjadi perdebatan dalam usaha menjadikan wakaf sebagai sektor yang menyumbang ke arah ekonomi ialah isu pengagihan manfaat wakaf. Pengagihan manfaat wakaf kadangkala dilihat tidak adil dan mengundang ketidakpuasan hati penerima manfaat wakaf. Rentetan isu ini, ia bukan sahaja mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap mutawalli, bahkan turut mengurangkan penglibatan masyarakat dalam sektor wakaf serta menyebabkan instrumen wakaf ini tidak mencapai Maqasid Syariah. Oleh itu, sejauh mana manfaat ini dicapai menurut perspektif Maqasid Syariah masih menjadi persoalan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis sorotan literatur manfaat wakaf menurut perspektif Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif iaitu kajian kepustakaan dengan meneliti sumber sekunder berkaitan manfaat wakaf melalui produk dan aktiviti wakaf yang telah dipraktikkan dan dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati bahawa manfaat wakaf yang disalurkan melalui projek wakaf telah mencapai Maqasid al-Hajiyah; iaitu berjaya memenuhi keperluan masyarakat dan ketiadaannya akan menyebabkan lompong dan kesusahan dari segi ekonomi dan taraf hidup manusia.

**Kata Kunci:** Wakaf, Manfaat Wakaf, Maqasid Syariah, Literatur Wakaf

**Abstract:** *The instrument of waqf is increasingly gaining recognition among society as one of the tools for economic generation. The State Islamic Religious Councils (MAIN) play an important role in diversifying the forms of waqf, with the aim of facilitating and attracting the interest of waqifs who wish to sustain the benefits of their assets. Corporate entities have also seized the opportunity provided by this instrument by introducing waqf products to the general public in Malaysia. One of the issues often debated in efforts to make waqf a sector contributing to the economy is the distribution of waqf benefits. The distribution of waqf benefits is sometimes perceived as unjust, leading to dissatisfaction among the beneficiaries. As a result, this issue not only reduces public trust in the mutawalli (trustees), but also decreases community involvement in the waqf sector, causing this instrument to fail in achieving Maqasid al-Shariah. Therefore, the extent to which these benefits align with Maqasid al-Shariah remains a question. Thus, this study was conducted to analyse the literature on the benefits of waqf from the perspective of Maqasid al-Shariah. This study uses a qualitative research method, specifically a literature review, by examining secondary sources related to the benefits of waqf through products and activities that have been practiced and analysing them thematically. The findings of the study indicate that the benefits of waqf channelled through waqf projects have achieved Maqasid al-Hajiyat, which means they successfully meet the needs of society, and the absence of these benefits would result in gaps and hardships in terms of economy and human living standards.*

**Keywords:** Waqf, Benefits of Waqf, Maqasid Shariah, Waqf Literature

## Pengenalan

Wakaf telah menjadi salah satu instrumen yang penting dalam menjana ekonomi di peringkat antarabangsa. Malaysia adalah salah satu negara yang mementingkan kejayaan usaha dan penyelesaian bagi isu wakaf agar manfaat wakaf dapat dinikmati oleh para benefisiari wakaf. Projek-projek wakaf yang diuar-uarkan di laman sesawang perbadanan korporat dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menunjukkan adanya manfaat dapat diberikan dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, YAB Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar bin Ibrahim turut menegaskan bahawa, kaedah berwakaf adalah salah satu mekanisme pengagihan semulakekayaan yang efektif. Rentetan itu, kerajaan telah mewujudkan Wakaf Madani dengan aset bernilai lebih RM1 bilion (Berita RTM, 2023). Agenda Wakaf Madani yang disebut ketika pembentangan Belanjawan 2023 tentunya diharapkan dapat memberi keamanan dan kesejahteraan secara holistik kepada rakyat Malaysia. Usaha kerajaan Malaysia juga tidak terhenti di situ, bahkan dilanjutkan dengan penubuhan Wakaf Majlis Amanah Rakyat (MARA) Madani bagi menjamin kesihatan, pendidikan, keusahawanan dan kebajikan Bumiputera. Usaha ini jelas menunjukkan kelebihan wakaf dalam menyalurkan manfaat kepada para benefisiari wakaf.

Namun di sebalik usaha dan cabaran yang diusahakan oleh pihak tertentu dalam mendepani isu pengurusan wakaf, masih terdapat permasalahan yang timbul berkaitan agihan manfaat wakaf yang tidak adil (Baihaki & Zakaria, 2019). Dapatan kajian oleh Suziana & Romzie (2017) adalah hasil temubual daripada beberapa orang responden yang kurang berpuas hati terhadap cara pengagihan manfaat wakaf pendidikan. Hal ini secara tidak langsung terkait dengan kepercayaan masyarakat terhadap *mutawalli*. Hubungan tahap kepercayaan masyarakat terhadap mutawalli mempunyai hubungan yang signifikan (Suraini et al. 2021). Perkara yang menjadi bukti keberkesanan segala usaha dan projek wakaf ialah manfaat wakaf tersebut berjaya disalurkan dan dimanfaat dengan baik. Statistik JAWHAR menunjukkan peratus yang

besar tanah wakaf yang berjaya dimanfaatkan dengan pelbagai bentuk pembangunan wakaf seperti perumahan, pendidikan dan sebagainya (JAWHAR, 2024). Kepelbagaiannya manfaat wakaf yang disalurkan melalui pendekatan yang berbeza menimbulkan keperluan kajian sorotan literatur ini dijalankan agar dapat meneliti trend literatur bagi manfaat wakaf dan menganalisis tahap maqasid yang memberikan impak kepada para benefisiari wakaf.

## Kajian Literatur

### **Wakaf dalam Islam**

Amalan wakaf merupakan amalan yang mulia bahkan menjanjikan kelestarian manfaat daripada harta yang diwakafkan kepada para benefisiari wakaf dan pewakaf itu sendiri. Sebelum kedatangan Islam, sebahagian masyarakat Arab telah mengamalkan wakaf tetapi ia dilakukan dengan tujuan bermegah-megah (Abdullah, 1996). Akan tetapi, amalan wakaf tersebut mencapai maksud wakaf secara teori iaitu menahan harta dan memberikan manfaat daripada harta tersebut (Shalih, 2008). Wakaf menurut al-Zuhaili juga ialah menahan harta yang manfaatnya digunakan demi kebaikan dengan syarat tertentu (Al-Zuhaili, 2011).

Antara dalil pensyariatan wakaf ialah hadis wakaf tanah Khaibar oleh Saidina Umar atas arahan Nabi S.A.W. Menurut Ibnu Hajar al-Asqalani menyebutkan hadis ini sebagai *ashun* atau dasar dalam pensyariatan wakaf. Berdasarkan hadis ini juga, Ibnu Hajar menyatakan bahawa ia wakaf yang pertama berlaku dalam Islam (Usman, 2015). Wakaf semakin berkembang pada zaman kegemilangan Uthmaniyyah (Alias et al.2023) dan tidak terhenti sehingga pada hari ini rentetan manfaat wakaf yang memberikan impak yang baik kepada ekonomi, pembangunan dan sosial di peringkat antarabangsa.

Firman Allah S.W.T: “Kamu sekali-kali tidak akan memperoleh kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menginfakkan sebagian harta yang kamu cintai. Apa pun yang kamu infakkan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentangnya,” (Quran, 2:92). Manfaat wakaf yang dapat disalurkan melalui ‘sebahagian harta yang kamu cintai’ menjanjikan ganjaran dan pahala yang berterusan kepada si pewakaf. Jadual 1 menunjukkan ringkasan sorotan literatur tentang wakaf dalam Islam.

**Jadual 1: Sorotan Literatur Wakaf dalam Islam**

No.	Penulis	Tempat	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Alias & Sanusi (2024)	Malaysia	Kualitatif	Wakaf pada zaman Uthmaniyyah turut dilaksanakan oleh golongan bukan Islam. Pelaksanaan wakaf oleh mereka juga direkodkan dan didokumenkan di seluruh empayar Uthmaniyyah dengan tujuan keagamaan dan kebajikan masyarakat awam.
2.	Fisol et al. (2021)	Malaysia	Kualitatif	Mengubah penggunaan wakaf sejarah dengan maqasid al-shariah dengan kaedah Tasarruf al-Imam manuthun bil maslahah demi manfaat masyarakat dan negara.
3.	Setroyini & Kurniawan (2022)	Indonesia	Kualitatif	Kajian sejarah menyerlahkan kepentingan wakaf dalam membina institusi pendidikan, perpustakaan dan menyokong keperluan masyarakat di samping mempamerkan kepentingannya dalam sosial dan warisan budaya.
4.	Purwaningsih & Susilowati (2020)	Indonesia	Kualitatif	Wakaf produktif turut memainkan peranan penting di Indonesia melalui pembangunan tanah wakaf yang kurang dimaksimumkan manfaatnya.
5.	Alias & Rozali (2021)	Bosnia	Kualitatif	Sumbangan Gazi Husraw dalam pembangunan wakaf di Sarajevo dengan mengubah bandar tersebut menjadi

				terkenal melalui wakaf tanpa mengurangkan identiti Sarajevo.
6.	Abdurrohman	Negara Arab	Kualitatif	Pengelolaan wakaf di bandar-bandar terpilih iaitu Arab saudi, Jordan, Mesir, Kuwait dan Turki telah berkembang dan tidak terbatas kepada bangunan keagamaan sahaja bahkan tanah pertanian dan harta turut diuruskan secara produktif demi manfaat masyarakat.
7.	Saputra et al. (2024)	Thailand & Singapura	Kualitatif	Negara sekular seperti Thailand dan Singapura turut mengamalkan wakaf sebagai alat untuk menjaga kebajikan sosial, pembiayaan untuk masjid dan sekolah serta projek komuniti yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Menunjukkan potensi wakaf walaupun dalam konteks sekular.
8.	Hazmi & Juliati (2024)	Indonesia	Kualitatif	Peranan wakaf dalam membentuk tamadun Islam dengan menyediakan peluang kerja untuk kebajikan masyarakat. Amalan dermawan perlu dipupuk dalam masyarakat kontemporari.
9.	Khan et al. (2019)	Malaysia	Kualitatif	Cadangan dan saranan untuk meningkatkan keberkasaran wakaf; menghidupkan semula peranan wakaf mengikut keperluan masyarakat, menggalakkan ulamak untuk mengkaji dan menonjolkan kepentingan wakaf dalam masyarakat kontemporari.
10.	Yulia (2016)	Indonesia	Kualitatif	Wakaf adalah undang-undang Islam yang mementingkan manfaatnya memenuhi Maqasid Syariah. Pendapat dan cadangan yang dapat memenuhi keperluan kontemporari wajar diraikan agar manfaat wakaf berada pada tahap maksimum.

### Manfaat Wakaf

Manfaat wakaf yang berterusan memerlukan usaha-usaha dalam menghadapi cabaran dalam memaksimumkannya. Melalui penggunaan aset wakaf yang membawa kepada hasil ekonomi yang baik dapat meningkatkan kesejahteraan hidup individu, masyarakat dan negara. Fleksibiliti wakaf dalam menyalurkan manfaat tanpa mengira samada Islam atau bukan Islam membuka ruang dan peluang kepada semua golongan untuk berwakaf.

**Jadual 2: Sorotan Literatur Manfaat Wakaf**

No.	Pengkaji	Tempat	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Asharaf & Abdullaah (2014)	Malaysia	Kualitatif	Penerima manfaat wakaf menerima manfaat dalam bentuk kesihatan dan pendidikan. Selain itu, PWS turut menerima manfaat daripada aplikasi wakaf korporat sebanyak 25% yang membantu dalam menambahkan dana wakaf serta melicinkan pengurusan aset wakaf yang diusahakan.
2.	Farhana & Asmak (2021)	Malaysia	Kualitatif	Projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) telah memupuk perkembangan ekonomi dan pembangunan masyarakat dari segi memenuhi keperluan, menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan.
3.	Mohamad et al. (2020)	Malaysia	Kualitatif	Pembangunan wakaf dalam sektor komersial di Terengganu melalui hotel wakaf berjaya mengagihkan manfaat sebanyak 42.7% kepada masyarakat setempat dalam bentuk sosial antaranya bantuan bencana.
4.	Ahmad Rashid et al. (2023)	Malaysia	Kualitatif	Projek wakaf pertanian memberikan impak ekonomi yang baik terhadap pasaran tempatan dengan menstabilkan harga, sayur-sayuran yang lebih berkualiti, pengurangan risiko harga produk dimanipulasi oleh orang yang tidak bertanggungjawab

				serta mampu menyediakan latihan dan sokongan untuk para petani.
5.	Ahamed Shaikh et al. (2017)	Malaysia	Kualitatif	Rentetan daripada cabaran ekonomi yang dihadapi oleh majoriti negara Islam iaitu; tahap pendapatan yang lemah dan tadbir urus yang lemah; wakaf dengan kelebihan fleksibilitinya mampu menjadi sumber pembiayaan yang lebih terjamin; memenuhi sokongan dana kerajaan yang tidak mencukupi.
6.	Dewi Wulandri (2022)	Indonesia	Kualitatif	Isu kemiskinan yang melanda negara Indonesia melihat manfaat wakaf khususnya wakaf produktif dapat menyelesaikan masalah tersebut; namun cabaran seperti kurang pemahaman tentang potensi wakaf serta pengurusan mengehadkan keberkesanannya.
7.	Md Jani et al. (2022)	Malaysia	Kualitatif	Dalam isu Gangguan Spektrum Austisme (ASD) yang semakin melanda di Malaysia, wakaf merupakan alternatif dalam mengurangkan tekanan ekonomi keluarga dengan membayai program dan sesi terapi untuk kanak-kanak ASD serta meningkatkan kualiti hidup keluarga tersebut.
8.	Rana et al. (2020)	Malaysia	Kualitatif	Pembiayaan mikro berdasarkan wakaf diterokai dan berpotensi menyelesaikan isu kemiskinan dan membangunkan sosioekonomi Malaysia dengan menambahkan peluang pekerjaan serta meningkatkan ketenteraman sosial masyarakat.
9.	Iskandar & Anis (2023)	Malaysia	Kualitatif	Wakaf tunai sebagai strategi penting dalam pemulihian ekonomi dalam menyalurkan manfaat daripada aset wakaf pasca Covid-19 di pelbagai negara; antaranya: Malaysia, Indonesia dan Arab Saudi.
10.	Masoud (2015)	Bangladesh	Kualitatif	Tanah wakaf yang kurang dimanfaatkan di Bangladesh meminimumkan yang baik terhadap ekonomi serta pembasmi kemiskinan terbatas.
11.	M.Shabri & Agustina (2023)	Indonesia	Kualitatif	Peranan wakaf dalam menjamin kesejahteraan sosial masyarakat Indonesia di samping memberikan perlindungan kewangan melalui Insurans Hayat Islam berdasarkan fatwa di negara tersebut.
12.	Mohamad et al. (2021)	Malaysia	Kualitatif	Pelaksanaan istibdal terhadap tanah wakaf sebanyak 37.5% oleh pihak MAIN serta beberapa cadangan untuk menyesuaikan pelaksanaan istibdal berdasarkan undang-undang sivil dan Islam supaya manfaat wakaf dapat dimaksimumkan sebaik mungkin.
13.	Mohamad et al. (2020)	Malaysia	Kualitatif	Pelaksanaan wakaf zuriat di Terengganu dapat memelihara warisan dan budaya; namun usaha masih diteruskan rentetan daripada hasil yang kurang memuaskan daripada tanah wakaf tersebut.
14.	Anwar & Jawwad (2018)	Malaysia	Kualitatif	Perbandingan institusi wakaf antara India dan Malaysia menunjukkan kedua-dua buah negara mempunyai jumlah aset yang besar, instrumen yang dijamin memberi manfaat yang berterusan dan memerlukan penambahbaikan dari segi pengurusan.

### **Wakaf di Pulau Pinang**

Manfaat wakaf yang berterusan menjadikan amalan ini sentiasa ditingkatkan usaha pembangunannya dari hari ke hari. Pulau Pinang menjadi salah sebuah negeri di Malaysia yang memperlihatkan kepelbagaiannya bentuk pembangunan, usaha dan strategi bagi melestarikan harta wakaf di negeri tersebut.

### **Jadual 3: Sorotan Literatur Wakaf di Pulau Pinang**

No.	Pengkaji	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Mohamad Hilmie & Mohd Zain (2019)	Kualitatif	MAINPP telah melaksanakan usaha dalam memastikan projek wakaf sentiasa berjalan lancar bermula dari segi pengurusan dan peningkatan kemahiran dalam kepimpinan.
2.	Romli et al. (2019)	Kualitatif	Kejayaan wakaf sebagai alat penjanaan ekonomi bergantung kepada beberapa faktor; antaranya pengurusan MAIN sendiri. MAINPP menjadi contoh dalam pengurusan harta wakaf melalui projek pembinaan bangunan komersil Taman Perumahan Seetee Aisah yang berjaya mengelakkan manfaat tanah tersebut kepada masyarakat setempat.
3.	Surita & Zakaria (2019)	Kualitatif	Pelaksanaan musyarakah oleh MAINPP dalam pembangunan harta wakaf menunjukkan impak yang besar; iaitu peningkatan produktiviti harta wakaf serta manfaat yang luas kepada masyarakat. dapat dilihat menerusi perumahan Seetee Aisah dan perumahan Khan Mohammad.
4.	Wan Ab Rahman et al. (2021)	Kualitatif	Pengurusan risiko di institusi pengurusan harta wakaf terpilih dalam kajian ini masih tidak mempunyai standard yang khusus.
5.	Saufi et al. (2023)	Kualitatif	Wakaf Pulau Pinang mengambil pendekatan penerapan konsep Madani sebagai pegangan dalam memastikan pengurusan harta wakaf di negeri Pulau Pinang berada dalam keadaan yang terurus.
6.	Bakar et al. (2021)	Kualitatif	Perubahan positif pembangunan dan ekonomi berasaskan instrumen wakaf yang dialami Pulau Pinang secara berabad lamanya melihat kepada projek wakaf di sana antaranya pembangunan tanah wakaf Kapitan Keling dan tanah wakaf Seetee Aisah dengan menyumbang kemudahan dan kemakmuran kepada penduduk sekitarnya.
7.	Abdullah et al. (2020)	Kualitatif	Sektor komersial sebagai salah satu usaha dalam pembangunan harta wakaf di Pulau Pinang dijangka dapat memberikan keuntungan berbanding dalam bentuk sewaan renttan daripada lokasi strategik yang terletak di bandar.
8.	Omar et al. (2016)	Kualitatif	MAINPP menggunakan kaedah BOT ( <i>Build- Operate- Transfer</i> ) untuk membangunkan tanah wakaf Majoodsaw di Pulau Pinang bagi memanfaatkan tanah wakaf yang tidak produktif dan mendapat pulangan melalui sewaan bagi meningkatkan produktiviti projek wakaf yang lain.
9.	Anuar et al. (2022)	Kualitatif	Tanah Wakaf Seetee Aisah yang dibangunkan oleh MAINPP memberikan pulangan yang baik kepada MAINPP melalui pendapatan sewaan bangunan setiap tahun.
10.	Mat Hassan et al. (2021)	Kualitatif	Pelaksanaan aplikasi Ijarah di tanah wakaf Seetee Aisah dan Khan Mohamed berjaya mencapai tujuan untuk pihak MAINPP dari segi produktiviti tanah wakaf serta manfaat kepada pewakaf tanah-tanah tersebut juga digandakan melalui pengagihan manfaat yang berlaku.
11.	Mamat et al. (2023)	Kualitatif	Pembangunan tanah wakaf Setee Aisah melalui sektor komersial memberikan lebih keuntungan berbanding pertanian dengan seiring dengan keharusan syarak pada syarat yang dikenakan oleh <i>waqif</i> demi mendatangkan maslahah yang lebih baik.

12.	Hisham & Siti mashitoh	Kualitatif	Kepelbagaiannya kaedah dan usaha dalam mengembangkan harta wakaf perlu mematuhi fatwa negeri masing-masing; antaranya kaedah istibdal yang dilaksanakan di Pulau Pinang perlu diteliti dan mengikut kesesuaian.
13.	Ayub et al. (2020)	Kualitatif	Pengaplikasian konsep ijarah melalui penggunaan mesin basuh dan dobi dalam usaha melestarikan wakaf pendidikan sekolah agama rakyat (SAR) di negeri-negeri wilayah utara.
14.	Farhana & Asmak (2021)	Kualitatif	Projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada masyarakat setempat seterusnya meningkatkan produktiviti dan ekonomi di tanah wajaf tersebut.
15.	Bakar et al. (2022)	Kualitatif	Tanah wakaf Haji Mohamed Hashim memberikan pulangan yang tinggi kepada MAINPP di samping keperluan penambah baikan pada pengurusannya.

## Metodologi Kajian

### Reka Bentuk Kajian

Kajian literatur ini dijalankan menggunakan kajian kualitatif. Reka bentuk secara kualitatif ini dipilih berdasarkan keperluan kajian kepustakaan melalui analisis kandungan secara tematik bagi sumber sekunder yang dikumpulkan.

### Pengumpulan Data

Untuk pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Metod pengumpulan data ini melibatkan pengumpulan maklumat dan data daripada sumber sekunder yang terdapat dalam perpustakaan atau melalui akses digital. Fokus kaedah ini adalah untuk mengkaji semula dan menganalisis bahan yang diterbitkan sebelum ini, seperti buku, artikel ilmiah, jurnal, laporan, tesis dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Tujuan penyelidikan kepustakaan ini juga berfungsi mengeluarkan data yang sesuai mengikut tema yang telah ditetapkan.

### Penganalisisan Data

Selain itu, data yang dikumpul dan dianalisis menggunakan analisis kandungan dan teknik analisis tematik. Analisis secara tematik dipilih kerana ia membolehkan penyelidik untuk memudahkan perbandingan antara hasil kajian secara komprehensif. Pada asasnya, terdapat tiga tema utama yang diteliti oleh pengkaji untuk mendapatkan pandangan yang berharga dalam meneroka kajian lepas berkaitan tajuk utama kajian. Tiga tema utama tersebut adalah wakaf dalam Islam, manfaat wakaf dan wakaf di Pulau Pinang.

### Analisis dan Dapatan

Hasil analisis daripada dapatan kajian ini dibentangkan mengikut tiga tema yang berikut:

### Wakaf dalam Islam

Berdasarkan tema yang pertama: wakaf dalam Islam, boleh dirumuskan bahawa sorotan literatur bagi tema ini merangkumi beberapa aspek dalam wakaf seperti sejarah wakaf, perubahan pelaksanaan wakaf berpandukan kaedah fiqhiyyah, kepentingan atau peranan wakaf di peringkat Malaysia dan antarabangsa serta kedudukan wakaf dalam undang-undang Islam. Setiap kajian memberikan pendedahan instrument wakaf sebagai salah satu aset ekonomi yang menyumbang hasil yang baik di samping mengekalkan ketamadunan bandar-bandar bersejarah seperti Sarajevo dan sebagainya.

Sorotan literatur ini mencakupi kajian yang diterbitkan dari tahun 2016 sehingga terkini. Kajian terkini yang diterbitkan pada tahun 2024 ialah kajian Alias & Sanusi (2024), Setroyini & Kurniawan (2022), Saputra et al. (2024) dan Hazmi & Juliati (2024). Kajian paling lama ialah pada tahun Yulia (2016). Kaedah penyelidikan utama daripada kajian bagi tema ini ialah kaedah penyelidikan kualitatif.

Negara-negara yang terlibat dalam tema ini merangkumi tempat yang mempunyai nilai ketamadunan yang dibangunkan berdasarkan instrumen wakaf seperti Turki dan Sarajevo di Bosnia. Selain itu, pelaksanaan wakaf di negara-negara Islam membuktikan bahawa tiada pengehadan pembangunan untuk keagamaan sahaja walaupun wakaf adalah salah satu daripada undang-undang Islam. Konsep sekularisme yang diamalkan di sesetengah negara seperti Thailand dan Singapura tidak membatasi wakaf sebagai salah satu usaha untuk membangun negara dengan membasmi kemiskinan.

### **Manfaat Wakaf**

Kajian-kajian yang disorot berdasarkan tema kedua ini; dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian ini menjawab persoalan bagaimana wakaf dimaksimumkan sebagai alat penjanaan ekonomi melalui projek wakaf serta manfaat daripada projek tersebut kepada masyarakat setempat. Oleh itu, dapat dilihat fokus utama bagi persoalan tersebut ialah kepelbagai bentuk pembangunan wakaf telah diperkenalkan seperti kesihatan, pendidikan, pertanian, wakaf tunai dan wakaf zuriat. Selain itu, usaha yang telah dilakukan bagi pelaksanaan wakaf sejarah dengan keperluan dan maslahat ekonomi negara turut difokuskan dalam tema ini. Majoriti kajian yang disorot berdasarkan tema ini menggunakan pendekatan secara kualitatif kecuali satu sahaja kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif bagi kajian pengagihan manfaat.

Manfaat wakaf yang paling mendapat perhatian daripada kajian-kajian ini ialah manfaat wakaf yang dapat dilihat bagi mendepani masalah pasca COVID-19 yang melanda dunia. Selain itu, isu membasmi kemiskinan dengan penyediaan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat melalui pembangunan pelbagai projek seperti pertanian, pembiayaan mikro, projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) dan pembangunan tanah terbiar. Kajian ini meliputi negara miskin seperti India, Bangladesh dan Indonesia. Selain itu, wakaf telah menyelesaikan isu pembiayaan di majoriti negara Islam yang mengalami masalah kekurangan dana. Fenomena autisme yang melanda kanak-kanak di Malaysia juga yang menggugat ekonomi menjadikan wakaf sebagai sumber pendanaan sesi terapi.

Kajian bagi tema ini meliputi kajian dari tahun 2014 sehingga tahun 2023. Kajian terkini adalah kajian Iskandar & Anis (2023), Ahmad Rashid et al. (2023), M. Shabri dan Agustina (2023), Dewi Wulandri (2022) serta Farhana & Asmak (2021). Adapun bagi kajian tahun yang paling lama adalah pada tahun Asharaf & Abdullah (2014). Selain itu, negara-negara yang terlibat dalam majoriti sorotan bagi tema ini ialah Malaysia. Negara Indonesia dan Bangladesh menjadi model bagi peranan wakaf dalam isu pembasmi kemiskinan. India pula digandingkan dengan Malaysia melalui kajian perbandingan mengenai peranan wakaf dalam menjamin manfaat seiring jumlah aset yang besar bagi kedua-dua buah negara.

### **Wakaf di Pulau Pinang**

Berdasarkan tema yang ketiga ini, dapat dirumuskan daripada kajian-kajian ini beberapa aspek yang menyumbang ke arah kejayaan wakaf dalam memberikan manfaat kepada masyarakat setempat di Pulau Pinang. Majoriti kajian ini mengetengahkan usaha dan strategi yang dilakukan MAINPP dan WPP dalam memaksimumkan wakaf sebagai alat penjanaan ekonomi

dan peningkatan produktiviti bagi setiap projek dan produk wakaf. Tambahan daripada itu, model kejayaan tanah wakaf seperti Tanah Wakaf Seetee Aisah, Tanah Wakaf Kapitan Keling dan Tanah Wakaf Haji Mohamed Hashim menjadi topik utama sebagai bukti manfaat daripada tanah-tanah wakaf tersebut.

Kajian-kajian yang dibincangkan dalam tema ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif yang dapat memberikan pendedahan yang mendalam antaranya melalui wawancara dengan pegawai MAINPP dan WPP yang bertanggungjawab. Kaedah ini juga dapat memberikan pengkaji mendalam keadaan dan keperluan sosioekonomi masyarakat di Pulau Pinang.

Selain daripada itu, kajian-kajian bagi tema ini meliputi kajian dari tahun 2016 sehingga tahun 2023. Kajian terkini adalah daripada Saufi et al. (2023), Mamat et al. (2023), Anuar et al. (2022), Bakar et al. (2022), Farhana dan Asmak (2021) dan Bakar et al. (2021). Kajian terdahulu iaitu daripada Omar et al. iaitu pada tahun 2016. Jelas, Pulau Pinang menjadi negeri yang dikaji oleh semua pengkaji bagi tema ini. Demikian adalah Pulau Pinang antara salah sebuah negeri yang dampaknya impak manfaat daripada pembangunan aktiviti, tanah dan produk wakaf yang diusahakan tanpa henti oleh pihak MAINPP dengan usaha perbadanan korporat seperti UDA Holdings Sdn. Bhd.

### Analisis Keseluruhan Sorotan Kajian

Berdasarkan analisis bagi setiap tema di atas, terdapat beberapa kelebihan dan kekurangan bagi sorotan kajian yang telah dikumpulkan. Jelas, sorotan kajian ini meraikan perbezaan budaya, sosioekonomi dan undang-undang. Hal ini demikian, negara-negara Timur Tengah, India, Bangladesh, Indonesia dan Malaysia adalah antara negara-negara yang dikaji dan secara tidak langsung menjadi model dalam mendepani isu kontemporari di negara masing-masing. Selain itu, sorotan kajian ini juga menunjukkan fleksibiliti wakaf sebagai salah satu sumber yang dapat diandalkan dalam isu kontemporari seperti masalah autisme yang semakin melanda kanak-kanak, keperluan ekonomi pasca COVID-19, pembasmian kemiskinan dan sebagainya. Jelaslah bahawa wakaf tidak difokuskan kepada aspek agama sahaja bahkan meliputi perkara yang lain dan membuktikan ia selari dengan maqasid shariah iaitu menjaga agama, harta, akal, nyawa dan keturunan.

Adapun melihat dari segi kekurangan daripada sorotan kajian ini, ia tidak tertumpu kepada negara-negara Barat yang mempunyai sistem perundangan dan pemerintahan yang berbeza. Keperluan kajian mengenai wakaf di negara Barat berkemungkinan dapat melihat aplikasi wakaf dari sudut berbeza dan dapat diaplikasi di negara lain. Melihat daripada sudut analisis sejauh mana manfaat wakaf berdasarkan Maqasid Syariah, Tiga bentuk kepentingan dan *maslahah* iaitu:

Dharuriyyat: Memelihara lima perkara asas iaitu; agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sekiranya lima perkara ini tidak dijaga, kehidupan manusia boleh membawa kepada kemudarat dan kehancuran. Dari sudut pemeliharaan agama, wakaf memenuhi keperluan dengan pembinaan institusi keagamaan seperti masjid. Dari sudut pemeliharaan akal dan nyawa, jelas dibuktikan melalui bantuan kanak-kanak autisme, kesihatan masyarakat dalam era pasca COVID-19 dan wakaf pendidikan. Pemeliharaan keturunan pula, melalui pelaksanaan wakaf zuriat yang secara tidak langsung dapat memelihara budaya dan warisan masyarakat tertentu. Pemeliharaan harta pula, dibuktikan melalui usaha dan strategi berdasarkan wakaf untuk

memulihkan ekonomi masyarakat melalui pembasmian kemiskinan, pembangunan bazar rakyat dan pembangunan dalam sektor pertanian.

Hajiyyat: Perkara yang menjadi keperluan dalam kehidupan manusia. Ketiadaan perkara al-Hajiyyat menjadikan kehidupan manusia dalam keadaan sukar. Sorotan kajian bagi maqasid dharuriyyat menunjukkan manfaat wakaf sudah memenuhi keperluan maslahah yang asas. Melihat kepada usaha berterusan daripada pihak berkaitan seperti pembiayaan mikro, kaedah istibdal dan sebagainya, menunjukkan ketiadaan wakaf akan menyukarkan kehidupan manusia dan memberi impak yang buruk terhadap ekonomi yang akan mendorong kesan yang lebih buruk.

Tahsiniyyat: Merupakan pelengkap kepada kehidupan manusia. Ketiadaannya tidak membawa kepada kesusahan dan kemusnahan kepada kehidupan manusia. Pemeliharaan maslahah melalui instrumen wakaf berdasarkan sorotan kajian ini belum lagi mencapai tahap tahsiniyyat. Kajian selanjutnya berkaitan maslahah yang telah mencapai peringkat maslahah tertinggi ini perlu dikaji dengan lebih mendalam oleh pengkaji masa hadapan kerana ia melengkapkan kualiti maslahah al-dharuriyyat dan seterusnya dapat menjadikan kehidupan masyarakat mencapai tahap keselesaan yang tinggi.

Tuntasnya, melihat keseluruhan kajian, dapat diketengahkan bahawa tahap maslahah yang dipelihara oleh instrumen wakaf pada ketika ini adalah berada di tahap al-Hajiyyat; iaitu dengan adanya wakaf, ia berjaya memenuhi keperluan dan ketiadaannya akan menyebabkan kesusahan dan kesukaran kepada manusia.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, manfaat wakaf yang diusahakan melalui kepelbagaiannya medium dan cara pembangunan adalah selari dengan tujuan al-Maqasid al-Shariah. Hasil sorotan kajian ini mendapati manfaat wakaf telah mencapai tahap maslahah al-Hajiyyat melalui pelbagai sektor seperti kesihatan, ekonomi, pendidikan dan warisan budaya. Hal ini juga membuktikan manfaat wakaf berjaya memenuhi keperluan masyarakat dan ketiadaannya akan menyukarkan proses pembinaan, pembudayaan tamadun serta pembangunan ekonomi. Namun, dapatkan kajian ini adalah terbatas kepada negara tertentu. Kajian masa hadapan meliputi negara Barat tentang manfaat wakaf wajar dilaksanakan dan diperluas untuk melihat bagaimanakah perbezaan sistem undang-undang dan pemerintahan mempengaruhi pelaksanaan wakaf di sana. Selain itu, sorotan kajian ini banyak menumpukan kepada kajian-kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian masa hadapan dapat ditumpukan kepada kajian kuantitatif dan diulas berdasarkan data bagaimana manfaat wakaf ini berjaya memenuhi Maqasid Syariah.

## Rujukan

- Abdullah, B., & Bahari, Z. (2019). Mauqif Alayh di Malaysia: Isu dan cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 4(26), 57-65.
- Abdullah, B., Aziz, A. H. A., & Bahari, Z. (2020). Pelaksanaan pembangunan harta wakaf di negeri pulau pinang dalam sektor komersial. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3(14), 1-13.
- Abu Bakar, M., Ismail, S., Ismail, C. Z., & Ramli, N. A. (2022). Mohamed Haji Hashim waqf: Lessons learnt from its land development. *International Journal of Advanced Research*, 10(08), 776–789.
- Ainul, N., Alias, B., Sakina, W., & Sanusi, A. (2024). Pelaksanaan wakaf golongan bukan Islam menurut perspektif sarjana Islam era pemerintahan ‘Uthmaniyyah. *Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 52–64.
- Al-Bukhari, S., & Fath Al-Bari, D. (2015). *Studi hadis-hadis wakaf dalam kitab* (Vol. X).
- Alias, N. A. B., & Rozali, E. A. (2021). Gazi Husrev Beg: The philanthropist who developed waqf in Sarajevo. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 22(1), 53–60.
- Alias, N. A. B., Yahya, S. A., & Rozali, E. A. (2023). Waqf impact towards Ottoman reigns in Bosnia and Herzegovina during the 15th to 17th century. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 205-216.
- Anon. (n.d.-a). 2020 *Peran wakaf dalam meningkatkan pemberdayaan ekonomi umat*.
- Anon. (n.d.-b). *Waqf comparative*.
- Anuar, N. A., Sulaiman, M. A., Mokhtar, N. N. A., Zainol, N. N., Isa, M., & Wan Yusoff, W. Z. (2022). Evaluating the performance of waqf land development: A case study of Wakaf Seetee Aisah, Pulau Pinang. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 6, 109-121.
- Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., Noordin, N., & Mohamed Sawal, M. Z. H. (2020). Application of ijarah in sustaining educational endowment at people's religious school (SAR): A study in Penang, Perlis, and Kedah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 21(2), 69–88.
- Hassan, S. H. M., Abdullah, S. R., Fazial, F., Hamid, C. K., & Yahaya, S. (2021). The implementation of ijarah in producing the wakaf property: Studies in Penang, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(1), 849-857.
- Hassan, S. H. M., & Bahari, Z. (2019). Application of musyarakah funding for estates waqf in Penang. *Cognitive-Crcs*, 192–199.
- Hilmie, M., Mat Daud, M., & Zain M. (2019). Amalan pengurusan wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 13, 65-75.
- Iskandar, I., Kurlillah, A., & Munadiati, M. (2023). Roles of waqf in supporting economy recovery post covid-19 pandemic. *ZISWAF: Jurnal Zakat dan Wakaf*, 10(01), 65-82.
- Ismail, S., Abu Bakar, M., Ismail, C. Z., & Ramli, N. A. (2021). Issues and challenges in wakaf Seetee Aishah property development, Penang State Islamic Religious Council (MAINPP). *Linguistics and Culture Review*, 5(S3), 1111–1123.
- Jalaluddin, M. S. A. M., & Agustina, M. (2023). The role of waqf in Islamic life insurance: The dual benefits of insurance and investment in view of fatwa of Indonesian Ulema Council. In *2023 International Conference on Sustainable Islamic Business and Finance, SIBF 2023* (pp. 271–275). Institute of Electrical and Electronics Engineers Inc.
- Kasdi, A. (2018). Dinamika Pengelolaan Wakaf Di Negara-Negara Muslim. *ZISWAF: Jurnal Zakat dan Wakaf*, 4(1), 73-86.

- Khan, M. N., & Ahmed, M. M. (2019). Waqf and its role in achieving the objectives of Shari'ah: An analytical and applied study. *Al-Aijaz Research Journal of Islamic Studies & Humanities*, 3(1), 443-460.
- Luthfiah, N., & Juliati, Y. S. (2023). Sejarah dan perkembangan wakaf dalam Islam. *Cemerlang: Jurnal Manajemen dan Ekonomi Bisnis*, 4(1), 268-281.
- Mamat, N., Rani, M. A. M., Adenan, F., Amsyar, I. A. M., Mohamad, N., Rosli, M. S. D., & Bhari, A. (2023). Case Study on Seetee Aisah Commercial Housing Waqf in Penang Islamic Religious Council: Analysis of Sharia Issues. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 75-84.
- Mohamad, M. R., Mohd, Z., & Nordin, N. (2020). Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 44-55.
- Mohamad, F., & Asmak, S. A. R. (2021). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Sosioekonomi: Analisis ke atas Projek Bazar Wakaf Rakyat Terpilih. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 43, 115-127.
- Mohamad, R., Yusoff, Z. M., & Nordin, N. (2021). Implementation of Istibdal on waqf land in Malaysia: A comparative study between Syarak law and civil law. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 307–331.
- Mohamed Fisol, W. N., Abu Bakar, M., & Ahmad, A. (2021). Waqf property management through the Maqasid al-Shariah approach. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(3), 28-31.
- Nor, S. M., & Rosman, R. (2017). Cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. In *4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management* (pp. 296-308).
- Omar, H. H., Abu Bakar, A., Shuib, M. S., Kamal, M., & Jusoh, A. (2014). *Penggunaan kaedah B.O.T dalam usaha membangunkan tanah wakaf MajoodsaW Pulau Pinang*.
- Qamariyanti, Y. (2016). The contextual of waqf in philosophy of Islamic law based on the Qur'an and Hadith. *Lambung Mangkurat Law Journal*, 1(1), 15-26.
- Ramli, A. M., & Jalil, A. (2014). Banking model of corporate waqf: An analysis of Wakaf Selangor Muamalat. *Jurnal Pengurusan*, 42, 159–167.
- Rana, M. S., Rahman, M. K., Alam, M. R., & Hoque, M. N. (2020). Waqf-Based Microfinance: An Alternative Solution to Poverty Reduction. *Selangor Business Review*, 40-54.
- Romli, S., Zain, M. N. M., Muda, M. Z., & Said, N. L. M. (2019). Pendekatan semasa institusi pengurusan wakaf dalam membangunkan semula tanah wakaf di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 66-79.
- Sabri, H., & Mahamood, S. M. (2020). Signifikasi konsep istibdal dalam sistem pengurusan wakaf: analisis dari perspektif fiqh dan undang-undang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 15-24.
- Saputra, I., & Briliyandra, F. (2024). Perkembangan dan pelaksanaan lembaga wakaf di negara sekuler (Singapura dan Thailand). *Perkembangan dan Pelaksanaan Lembaga*, 2(3), 118–122.
- Saufi, M. S. A. M., Zaki, M. M. M., Haji-Othman, Y., & Sulong, J. (2023). Penerapan Konsep Madani Dalam Tatakelola Pengurusan Wakaf Pendidikan: Kajian Di Wakaf Pulau Pinang. *CIFER International Journal of Islamic Finance*, 2(1), 1-16.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 50-60.
- Setyorini, S., & Kurniawan, R. R. (2022). *Sejarah Wakaf Dalam Islam Dan Perkembangannya*.

- Shaikh, S. A., Ismail, A. G., & Shafaii, M. H. (2017). Application of waqf for social and development finance. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), 5-14.
- Wan Ab Rahaman, W. M. A. F., Yaacob, S. E., Haron, M. S., & Ishak, S. (2021). Pengurusan risiko menurut perspektif syarak: Satu kajian tinjauan di institusi wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terpilih. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 100–113.
- Wulandari, D. (2022). Manfaat wakaf dan permasalahannya. *Jurnal Ilmiah Ekonomi, Manajemen dan Syariah*, 1(3), 27–33.
- Zurita, M., Nadhirah, N., & Mohd Ridzuan, M. (2020). The implementation of posterity waqf in Terengganu] Pelaksanaan wakaf zuriat di Terengganu. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 107-114.